

SOALAN NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang diambil Kementerian bagi menjaga dan memelihara hak asasi pekerja asing yang bekerja di Malaysia.

PR-1331-T65513

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal kebajikan dan hak pekerja termasuk pekerja asing sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan pekerja tempatan mahupun pekerja asing memperoleh perlindungan yang sama dari segi hak dan kebajikan sepertimana yang termaktub di bawah undang-undang perburuhan seperti Akta Kerja 1955, Akta

Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 termasuk Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM 2007).

2. Selain itu, Kementerian juga sentiasa memastikan semua pekerja termasuk pekerja asing menerima layanan yang adil dan saksama tanpa wujudnya elemen diskriminasi. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan hak dan kebajikan pekerja asing di negara ini terjamin, Kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (a) mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai penggajian pekerja asing dengan negara-negara sumber seperti Bangladesh, Indonesia, Vietnam, Sri Lanka, India, China, Thailand dan Pakistan.
- (b) menggunakan satu kontrak perkhidmatan yang standard untuk semua pekerja asing.
- (c) mewajibkan pembayaran gaji bulanan melalui akaun bank untuk membolehkan pemantauan dilakukan ke atas majikan.
- (d) mewajibkan semua majikan membeli perlindungan insurans kepada pekerja asingnya iaitu Skim Pampasan Pekerja Asing

(SPPA) dan Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA):

- (i) SPPA merangkumi pembayaran pampasan kepada pekerja asing yang mengalami kemalangan hilang upaya kekal atau sementara atau maut semasa dalam tempoh pekerjaan. Skim ini diwajibkan di bawah Seksyen 26, Akta Pampasan Pekerja 1952 dengan bayaran premium sebanyak RM72.00 setahun oleh majikan.

 - (ii) SPIKPA pula merupakan skim kesihatan bagi membolehkan pekerja asing mendapat rawatan perubatan di Hospital Kerajaan dengan perlindungan maksimum sebanyak RM10,000. Skim ini telah diperkenalkan pada 1 Januari 2011 di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia dengan bayaran premium sebanyak RM120.00 setahun.
- (e) pekerja asing juga berhak untuk memegang dokumen pengenalan diri masing-masing seperti pasport. Walau bagaimanapun, pekerja asing boleh memberi kebenaran secara bertulis kepada majikan untuk menyimpan dokumen tersebut bagi tujuan keselamatan.

3. Justeru itu, Kementerian sentiasa memastikan hak dan kebajikan pekerja asing adalah terpelihara bagi menjamin keharmonian perusahaan di negara ini, di mana semua pekerja tempatan mahupun pekerja asing mendapat layanan yang saksama tanpa wujudnya elemen diskriminasi sepertimana yang termaktub di bawah Akta Kerja 1955.